

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.2 (8)

25 Oktober 2022  
27 Rabiulawal 1444H

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL.41/2022

### PINDAAN TARIKH MAJLIS KONVOKESYEN KE-66 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA BERIKUTAN PERTINDIHAN TARIKH PILIHAN RAYA UMUM MALAYSIA KE-15

Dimaklumkan bahawa Universiti dengan limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor telah bersetuju meminda sesi Majlis Konvokesyen UTM ke-66 yang kebetulan jatuh pada 19 November 2022 iaitu pada tarikh Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU 15).

2. Sehubungan dengan pindaan ini, berikut adalah sesi yang terlibat bagi pindaan berkenaan:

Sesi	Tarikh Asal	Tarikh Baharu
1	19 November 2022 (Sabtu) 8.00 pagi	24 November 2022 (Khamis) 8.00 pagi
2	20 November 2022 (Ahad) 8.00 pagi	24 November 2022 (Khamis) 2.00 petang
3	20 November 2022 (Ahad) 2.00 petang	25 November 2022 (Jumaat) 8.00 pagi

Manakala **Sesi 4 (21 November 2022)** hingga **Sesi 9 (23 November 2022)** adalah **KEKAL** seperti yang telah dijadualkan.

3. Pindaan ini adalah bagi memberi laluan kepada semua warga UTM, graduan dan ahli keluarga menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi. Tarikh asal Majlis Konvokesyen ke-66 UTM telah dijadualkan pada **19 November hingga 23 November 2022**.

4. Semua warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum dengan pindaan tarikh ini dan memberikan komitmen sepenuhnya sepanjang Majlis Konvokesyen ke-66 Universiti Teknologi Malaysia berlangsung.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

s.k. - Naib Canselor

- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
- Pengarah Kampus UTM Pagoh
- Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah